

Lelaki merogol remaja perempuan dipenjara 10 tahun dan enam sebatan

KUCHING: Padah merogol remaja perempuan berusia 15 tahun, seorang pemuda dipenjara 10 tahun dan dikenakan enam sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Dalam menjatuhkan hukuman, Hakim Musli Ab Hamid memerintahkan tertuduh, 21, untuk menjalani kaunseling pemulihan sepanjang tempoh tahananannya seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 26(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017.

Musli juga mengarahkan jurujual telefon itu dikenakan pengawasan polis selama dua tahun selepas selesai menjalani hukuman penjara, selari dengan Seksyen 27(1) SOACA 2017.

Tertuduh mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan, jika sabit kesalahan.



KE PENJARA: Tertuduh (kiri) diiringi polis setelah selesai dijatuhkan hukuman semalam. — Gambar Kentigern Minggu

Dia didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 2 pagi dan 3 pagi pada 11 Mei 2026 di atas lantai bilik tidur sebuah apartmen servis dan suite di Jalan Green, di sini.

Fakta kes mendedahkan ibu mangsa (pengadu) yang mahu mengejutkannya untuk ke se-

kolah, menemui tertuduh bersembunyi di sebalik pintu bilik tidur mangsa dalam keadaan tidak berpakaian.

Ibu mangsa kemudiannya berasa curiga tertuduh telah merogol anaknya dan membuat laporan polis bagi tindakan lanjut, sehingga

membawa kepada penangkapan tertuduh.

Hasil siasatan mendapati tertuduh menyelip masuk ke rumah tersebut pada jam 9 malam sebelumnya.

Polis juga mendapati keterangan mangsa dan tertuduh adalah konsisten dengan mangsa mengesahkan bahawa tertuduh telah melakukan hubungan seks dengannya pada pagi hari kejadian di bilik tidur tersebut.

Malah, pegawai perubatan turut mengesahkan terdapat kesan koyakan pada hymen mangsa.

Difahamkan, tertuduh dan remaja perempuan itu saling mengenali sejak Ogos 2024 sebelum menjalin hubungan cinta pada April tahun ini.

Mangsa turut menyatakan bahawa dia tidak pernah melakukan hubungan seksual dengan mana-mana lelaki lain selain tertuduh.

Kes disiasat Pegawai Penyiasat Inspektor Nur Ain Wong Abdullah. Tertuduh tidak diwakili peguam.